

06 JUL 2002

Sabah-Pendang

MUSA ARAH JENTERA KEMPEN UMNO SABAH KERJA KUAT DI PENDANG DAN ANAK BUKIT

KOTA KINABALU, 6 Julai (Bernama) -- Pengerusi badan perhubungan Umno Sabah Datuk Musa Aman mengarahkan jentera Umno Sabah yang bakal dihantar membantu kempen Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil di Kedah, 18 Julai ini supaya bekerja keras bagi memastikan kemenangan calon BN.

"Umno Sabah telah mengarahkan mereka supaya bekerja bersungguh-sungguh untuk memastikan kemenangan BN," katanya.

Ketika ditemui pemberita selepas merasmikan konvensyen pendidikan Bumiputera Sabah 2002 di sini, Musa berkata Umno Sabah tidak mahu mereka sekadar sambil lewa dalam kempen menghadapi pilihan raya kecil berkenaan.

Seramai 50 anggota parti terdiri daripada ketua bahagian, pergerakan pemuda dan wanita bahagian serta Puteri Umno bahagian akan dikerah membantu kempen pilihan raya kecil kawasan Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri Anak Bukit di Kedah.

Pilihan raya kecil secara serentak itu diadakan berikutan kematian penyandanginya yang juga Presiden Pas Datuk Fadzil Noor pada 23 Jun lepas. Penamaan calon ialah pada 10 Julai.

Musa juga mahu jentera kempen dari Umno negeri memberi kerjasama penuh kepada pemimpin setempat di kedua-dua kawasan berkenaan.

Antara isu yang dikenal pasti untuk diperjelaskan oleh Umno Sabah ialah keperluan untuk sehaluan dengan kerajaan Persekutuan serta pentingnya mengelak pertelagahan sesama sendiri.

"Umno Sabah akan menerangkan kesannya jika kita tidak sehaluan dengan kerajaan pusat," katanya.

Menjawab satu soalan, Musa berkata, Umno Sabah tiada cadangan meminta kuota Bumiputera bagi memasuki institusi pendidikan dan kolej yang ada di negeri ini.

"Tidak perlu ada kuota...Sabah mempunyai institusi yang mencukupi untuk menampung keperluan pelajar-pelajar negeri ini," katanya.

Musa yang juga Menteri Kewangan Sabah juga menyambut baik cadangan untuk memasukkan klausa penamatan dalam sesuatu perjanjian membabitkan projek pembangunan oleh kerajaan.

Menurut beliau dengan adanya klausa berkenaan, kerajaan akan dapat membuat tindakan menamatkan kontrak sesebuah syarikat yang gagal menyiapkan projek tanpa menimbulkan implikasi perundangan terhadap kerajaan.

"(Di Sabah) memang ada projek yang tergendala atau yang mengambil masa yang lama untuk disiapkan kerana kelalaian kontraktor. Bagi saya mereka perlu diambil tindakan kerana kecuaiannya mereka menjejaskan banyak pihak," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Khamis lepas menyebut mengenai keperluan untuk meningkatkan keupayaan pengurusan termasuk berkaitan kontrak yang perjanjiannya didapati tidak memadai sehingga timbul masalah apabila menamatkan sesuatu perjanjian.

-- BERNAMA

JS PR